

# Alam Wanita

## Perkahwinan Secara Poliandri, Poligami dan Pergundikan

Oleh kerana dalam beberapa keluaran majalah Qalam rencana dalam ruangan ini tak sempat kami keluarkan, maka sebagai lanjutan dari rencana yang lalu (keluaran bulan *August* 65) penulis telah mengupas soal perkahwinan yang bertajuk di atas.

(Oleh: Haji Munawwar Khalil)

Masih ada tiga soal lagi yang saya ingin jelaskan mengenai perkahwinan, yang menunjukkan bahawa wanitalah yang semata-mata terkorban, menderita dan sengsara iaitu perkahwinan poliandri, poligami dan pergundikan atau perkahwinan kendak.

### Poliandri

Poliandri ini telah pun berlaku sejak zaman dahulu, caranya ialah seorang wanita kahwin dengan beberapa orang lelaki (lebih dari seorang lelaki). Dan kebiasaan ini masih berlaku hingga sekarang. Perkahwinan cara “*ishtirāk*” atau bersekutu sebagai yang diterangkan dahulu, adalah termasuk poliandri.

Poliandri mengikut keterangan para sarjana ada terbagi dua iaitu: *Matriarchial Polyandry* dan *Patriarchial Polyandry*.

*Matriarchial Polyandry* ialah perkahwinan seorang isteri dengan beberapa orang suami yang bukan bersaudara, yang dahulu (entah sekarang) dilakukan oleh bangsa Nair, golongan bangsawan di Malabar. Bangsa Nair mengahwinkan anaknya perempuan yang masih kecil, jarang sekali yang sampai

umur dua belas tahun. Anak itu dikahwinkan dengan suami pertama, yang sengaja untuk menyajikan kegadisannya (perawannya) semata-mata. Kemudian sesudah empat hari dicampuri oleh suaminya, lalu suami yang pertama itu mestilah meninggalkan isterinya untuk selama-lamanya, dan gadis yang telah bersuami empat hari itu tetap tinggal di rumah keluarganya. Sejak ia ditinggalkan pergi oleh suami itu, ia diperkenankan untuk bersuamikan orang lelaki yang ia sukai, dan ia boleh bersuami sampai dua belas orang, tetapi semuanya itu yang tidak mempunyai hubungan keluarga antara satu dengan lainnya. Masing-masing dari suami yang sekian banyaknya itu hidup rukun, hidup dengan persaudaraan yang erat, dan memikul belanja atau nafkah isteri mereka yang hanya seorang itu bersama-sama.

Kalau seorang dari antara mereka itu sedang berada dengan isterinya itu, ia mestilah menggantungkan kerisnya di pintu rumah dan pintu bilik isterinya, agar suami yang lain jangan sampai masuk dengan cara tiba-tiba. Dan kadang-kadang ditentukan sepuluh atau dua belas hari bagi tiap-tiap suami – membuat giliran – dan bagi tiap-tiap

suami sesudah itu merdekalah ia pergi kepada isterinya yang lain lagi, yang menjadi haknya bersama-sama dengan lelaki lain pula. Dengan yang demikian, kebanyakan bangsa Nair itu tidak ada yang mengetahui atau tidak mengenal siapa bapanya. Dan kalau seorang lelaki bangsa Nair meninggal, maka hak miliknya diwariskan kepada anak saudara isterinya atau kemanakannya. Poliandri yang semacam ini, adalah lebih keji dan lebih buruk daripada nikah “*ishtirāk*” yang pernah dilakukan oleh bangsa Arab di zaman Jahiliah dahulu.

Adapun *Patriarchial Polyandry* pula, caranya ialah semua suami perempuan yang hanya seorang itu bersaudara. Poliandri yang semacam ini berlaku terutama di Tibet dari dahulu sampai sekarang. Poliandri ini menurut undang-undang di Tibet, waktu dilangsungkan upacara perkahwinan mestilah disebut juga nama-nama bagi saudara-saudara pengantin lelaki yang lebih muda, yang nanti akan menjadi suami pula bagi pengantin perempuan itu dan bersama-sama berhak atas dirinya. Si isteri pindah dan tinggal bersama-sama dengan keluarga pengantin lelaki, dan bila mana ia mendapat anak, lalu anaknya berbapa kepada suami ibunya yang tertua, dan kadang-kadang anak itu mengaku ayah kepada sekalian lelaki yang menjadi suami ibunya itu.

Mengikut penyelidikan bahawa poliandri yang semacam ini berlaku juga di India, dan dalam lingkungan para pemimpin agama kuno di sana pun melakukan poliandri semacam itu. Bangsa Miri dan Dupala di Bengol hingga sekarang masih membiasakan poliandri semacam itu. Di dalam lingkungan bangsa Toda di Nilgiri, terdapat juga adat kebiasaan poliandri yang semacam itu. Bahkan diterangkan pula bahawa di sana, ketika seorang lelaki mengahwini seorang wanita, maka jadilah wanita itu isteri bagi segenap saudara lelaki bagi suaminya, dan sebaliknya mereka itu menjadi suami pula bagi segenap saudara perempuan bagi si isteri itu. Ada-

pun anak yang mula-mula dilahirkan dari percampuran yang sedemikian itu, berbapa kepada suami yang tertua. Anak yang kedua berbapa kepada suami yang kedua, dan demikianlah seterusnya.

### **Poligami**

Poligami yang kami maksudkan dalam bab ini, ialah poligami yang di luar pimpinan Islam, poligami yang sungguh-sungguh merendahkan darjat kaum wanita, iaitu beristeri banyak yang tidak ada batasnya.

Poligami adalah sejenis perkahwinan yang paling tua. Boleh dikatakan tidak ada suatu bangsa pun dari bangsa-bangsa di dunia sejak dari dahulukala yang bersih dari kelakuan *poligami*, atau beristeri banyak. Di antara bangsa yang masih biadab ada yang melakukan *poligami* didorong oleh kemahuan hawa nafsu yang tidak puas-puasnya. Di Kepulauan Fiji, kepala-kepala kaum di sana memelihara beratus orang perempuan yang kebanyakannya sahaya dan gundik. Isteri yang sebenarnya hanya beberapa orang sahaja, dan semua isterinya mestilah menerima untuk dimadu, dan di samping itu berkewajipan pula membela atau memelihara seorang gundik yang terpilih untuk suaminya. Jelasnya pada waktu dia kahwin, mestilah membawa seorang perawan kecil anak orang biasa yang cantik dan molek rupanya. Anak itu dipeliharanya baik-baik sampai besar, dan setelah dewasa maka pada suatu hari yang ditentukan dihiasilah anak gadis itu oleh isteri kepala suku itu, dimandikan sebersih-bersihnya, diberi haruman-haruman, dan dengan tidak diberi pakaian (telanjang) dibawanyalah ke bilik suaminya. Setelah anak itu diterima suaminya, undurlah ia dengan diam-diam tidak berkata-kata sepatah pun.

Di Afrika, poligami dilakukan dengan tujuan hendak mengumpulkan kekayaan. Oleh para lelaki bangsa Afrika itu, beristeri banyak itu dipergunakan sebagai

kuda beban yang mesti bekerja kuat sehari-hari. Di sana, sang isterilah yang biasanya menyuruh suaminya supaya beristeri lagi, supaya ia dapat kawan yang diharapkan dapat meringankan bebannya.

Pada bangsa Zulu, isteri yang pertama membanting tulang dengan sekeras-kerasnya, dengan maksud supaya suaminya dapat membeli seorang isteri lain untuk teman dalam penderitaan dan kesengsaraan, dan dapat pula untuk diperintahnya, kerana ia yang tertua. Golongan wanita bangsa Afrika dapat dijual kepada orang lelaki, dengan demikian kaum lelaki yang kuat tentulah mempunyai isteri yang banyak dan dapat pula mereka melakukan isteri-isteri mereka itu dengan cara yang kejam dan sewenang-wenangnya. Tanpa sebarang sebab, biasa berlaku isteri orang Afrika dipukul oleh suaminya dengan cabuk hingga bertanda di badannya.

Di benua Afrika yang seluas itu, poligami pernah berlaku atau masih berlaku seperti di Afrika, golongan wanita Afrika Selatan tidak membantah bahkan meminta kepada suaminya supaya dimadu, kerana segala macam pekerjaan kasar, kepada golongan wanitalah dilakukan. “Kahwinilah anak perempuan saudaraku”, kata sang isteri kepada suaminya. “Saya dengan dia adalah sedarah dan sedaging”. Demikianlah maka kebanyakan bangsa asli di Amerika, seorang lelaki biasa mengahwini beberapa orang wanita yang bersaudara. Di antara penduduk California, ada yang jauh melampaui batas, ialah mengahwini anak dan ibunya bersama. Jadi di samping lelaki itu menjadi anak menantunya, juga menjadi suaminya.

Di benua Asia poligami hidup tumbuh dengan suburnya. Di Timur Tengah, di Timur Jauh, di Tanah Besar ataupun di kepulauan di seluruh benua Asia kedapatan poligami dengan suburnya.

Bangsa Eropah pun tidak ketinggalan dan tidak berbeza dengan bangsa-bangsa lain. Bangsa kulit putih itu

bukan keturunan malaikat, tetapi keturunan manusia. Maka sebagai bangsa lain, mereka itu pun dari dahulu telah membiasakan poligami, dan mereka sekarang mengatakan “*Anti-polygamy*” itu sesungguhnya omong kosong.

Keinginan mereka dalam berpoligami itu tetap hangat dan menyala, tidak mudah dipadamkan. Sejarah yang akan membuktikan nanti.

Demikian serba ringkas keterangan mengenai poligami yang berlaku di zaman dahulu, iaitu jenis permaduan yang di luar pimpinan Islam. Dan sampai kini orang masih dapat membuktikan akan adanya sisa-sisa poligami itu, bezanya dahulu secara kolot dan kasar, sedang sekarang dengan cara dipermodern dan diperhalus, tetapi pada hakikatnya sama sahaja. Iaitu pihak kaum wanita tetap dalam kerendahan, pihak kaum wanita selalu dalam kecemaran dan kenistaan. Mereka yang biasa membaca buku-buku tentang keadaan istana raja-raja, para bangsawan dan hartawan, tentu mendapat beberapa macam cerita yang aneh-aneh dan ajaib-ajaib tetapi keji dan cemar. Mereka tentu memiliki harem-harem yang di dalamnya penuh wanita-wanita yang cantik-cantik, puteri-puteri yang molek, semuanya itu kepunyaan seorang lelaki, iaitu sang raja atau sang bangsawan dan hartawan. Poligami yang begini coraknya dan yang seumpamanya, Islam telah menghapuskannya dan dilarang orang melakukannya dengan ancaman yang besar oleh Islam.

### **Pergundikan**

Pergundikan adalah satu adat lama yang dalam bahasa Arabnya disebut “*ittakhādha al-akhdān*”, yang ertinya memelihara gundik-gundik. Bagi bangsa Arab di zaman Jahiliah ada suatu adat kebiasaan suku mengambil atau memelihara beberapa orang wanita dengan cara sembunyi, kerana mereka memandang rendah dan hina kalau melakukannya dengan cara terang-terang. Kaum lelaki yang kahwin cara bergundik atau berkendak itu dapat berbuat sesuka-sukanya sendiri kepada wanita yang

digundiknya. Mereka boleh melepaskan wanita itu sebagai melepaskan seekor burung atau seekor kucing, dengan tidak bertanggungjawab sama sekali di belakang hari. Bahkan bagi lelaki yang kuat dan kaya, kadang-kadang dapat memelihara gundik-gundik sampai sepuluh orang atau lebih. Dan ada pula yang sampai puluhan orang. Orang lelaki yang melakukan perbuatan menggundik itu sesungguhnya tidak ada mempunyai perasaan perikemanusiaan. Tidak ada perasaan belas kasihan kepada kaum wanita yang sepatutnya diberi pertolongan. Mereka hanya mengutamakan kesenangan untuk dirinya sahaja, menurutkan kehendak hawa nafsunya dengan tidak mengingat akan akibat yang akan terjadi di belakang hari.

Pergundikan sejak dari zaman dahulu hingga sekarang masih berlaku dalam lingkungan bangsa-bangsa di segenap penjuru dunia ini, tidak hanya di Tanah Arab sahaja. Bahkan pada masa kebelakangan ini, di masa yang dikatakan orang sudah maju, manusia sudah beradab dan bersopan, namun pergundikan masih dilakukan orang berterang-terangan dengan tidak sembunyi lagi. Di Eropah orang lelaki, memelihara gundik-gundik itu sudah menjadi kebiasaan – dengan cara berterang-terangan – yang melakukannya sudah tidak merasa malu lagi. Dan bahayanya kini telah menjalar ke Asia juga, seperti di India, Tunis, Algiers, Mesir, Syria dan seterusnya negeri-negeri Timur.

Menurut penyelidikan, pada masa yang akhir-akhir ini undang-undang pemerintah Perancis telah menetapkan, bahawa anak-anak yang dilahirkan dari pergundikan itu mesti dijadikan atau dianggap sebagai anak yang sah, anak yang bernar, berhak menerima pusaka dan lain-lain sebagainya dari bapanya. Sebabnya undang-undang ini diadakan, oleh bersangatan banyaknya kanak-kanak yang dilahirkan hasil dari pergundikan.

Pergundikan dengan cara yang bagaimanapun, baik terang-terangan mahupun yang sembunyi-sembunyi hukumnya sama, kerana kejahatannya sama dan kekejiannya sama. Lelaki yang

menggundik dan wanita yang berkendak, adalah tetap melakukan perbuatan cemar, keji dan terkutuk, tidak berbeza dengan perkahwinan *saffāh* dan lacur, dan wanita yang suka digundik atau dijadikan kendak sudah bererti telah masuk perangkap pelacuran. Dengan demikian, tetaplah melakukan pergundikan itu merendahkan darjat kaum wanita dan menghinakan mereka, dan Islam melarang keras melakukan pergundikan itu dengan ancaman yang keras pula.

Berhubung agama Islam itu ialah agama yang sangat menghargai akan darjat kaum wanita – kerana golongan wanita itu juga manusia, bukan binatang – maka untuk memelihara kehormatan wanita, menjaga martabat wanita dan selanjutnya untuk menjaga dan membersihkan keturunan bangsa manusia dari segala macam noda dan kekotoran, Islam menghapuskan dan membongkar segala macam perkahwinan sebagai yang tersebut di atas dan melarang keras terhadap orang yang melakukannya.

Dengan demikian, seyogialah pihak kaum wanita berterima kasih kepada Islam, seyogialah memuji dan bersyukur kepada Tuhan yang menurunkan agamanya yang dibawa oleh pesuruh-Nya Nabi Muhammad (S.A.W), yang selanjutnya tidak hanya berterima kasih, tetapi hendaklah pula disertai ketaatan yang sesungguhnya, dan hendaklah pula diikuti dengan rasa kepatuhan dengan sebenar-benarnya. Iaitu segala yang terang-terang diperintahkan oleh Allah dan rasul-Nya mestilah dikerjakan dengan sebaik-baiknya sekalipun dari selangkah demi selangkah. Begitu pula segala sesuatu yang memang dilarang oleh Allah dan rasul-Nya hendaklah ditinggalkan jauh-jauh walaupun dengan cara dari sedikit demi sedikit. Jika tidak, dan jika tetap juga kaum wanita dan kaum ibu mencemuhkan pimpinan Allah atau menganggap ringan terhadap pimpinan rasul-Nya, nescaya mereka akan terjerumus lagi ke lembah kehinaan dan tergelincir ke jurang kebinaasaan.

(Sambungan dari muka 14)

di dalam bulan Ramadān supaya jiwanya tenteram kerana di dalam membaca al-Qur’ān itu seolah-olah seseorang berkata-kata dengan Allah. Mudah-mudahan yang berkata itu sendiri telah faham makna-makna Qur’an sepenuhnya supaya jangan ia termasuk di dalam golongan yang disindirkan oleh al-Qur’ān sendiri “Ia hanya berkata tetapi tidak beramal.” Galakkanlah di dalam tiap-tiap bahagian agama supaya beramal jangan hanya berkata. Tidak dapat berkorban bersama-sama, berkorban sendiri lebih dahulu dengan kadar daya upayanya ada baiknya bagi menjadikan contoh kepada orang lain yang ia sudah beramal. Tidak ada gunanya menyebut-nyebut tanggungan orang lain sedang sendiri tidak mahu bertanggungjawab.

\* \* \*

Tengku Abdul Rahman Perdana Menteri Malaysia dalam Perutusan Tahun Baharunya menyatakan keazaman Malaysia untuk mengekalkan pemerintahan beraja untuk selama-lamanya. “Pemerintahan beraja ini”, kata Tengku, “telah kita pusakai dari zaman ke zaman, dan akan kekal menjadi cara pemerintahan bagi negara kita buat selama-lamanya – *in shā’a Allāh.*”

Ucapan Tengku ini mungkin sebagai jawapan akan adanya anasir-anasir yang membayangkan tidak sukanya pemerintahan beraja – hendak menggantikannya dengan pemerintahan Sosialis. Untuk ini, dengan hanya mengatakan sahaja tidak akan hapus pemerintahan beraja itu tidaklah akan menjamin kedudukan raja-raja; dan anasir-anasir itu tentu adanya sangat sedikit daripada orang-orang Melayu sedang yang menjunjung raja adalah orang-orang Melayu sedang yang lain bangsa hanya berpura-pura sahaja – selagi raja ada berkuasa. Kerana itu ucapan Tengku seterusnya yang mengenai MAPHILINDO sebagai satu konsep yang tidak berjaya dan sempit kerana ianya dilahirkan berdasarkan perkauman tentunya akan

menjadi suatu punca atau tanda-tanda runtuhnya Raja-raja Melayu.

Kalau tidak percaya lihatlah nanti! Dan ucapan Tengku itu untuk mengekalkan kedudukan Raja-raja Melayu itu hanya ucapan sahaja sedang gerak meruntuhkan kuasa raja-raja dengan disadari atau tidak, dibiarkan menjalar oleh Tengku!

\* \* \*

Sepatah kata yang menjadi alat untuk meruntuhkan kedudukan orang-orang Melayu dalam menuntut sesuatu hak yang ada kepadanya ialah perkataan “perkauman”. Apabila orang-orang Melayu mengemukakan sesuatu tuntutan bagi masalah mereka – maka mereka dicap memperjuangkan perkauman. Dengan senjata itulah satu demi satu hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu habis – dan akan bakal habis sehingga kepada raja-rajanya. Pemimpin-pemimpin Melayu pula, pada umumnya, takut memperjuangkan hak-hak orang-orang Melayu kerana takut dicap “perkauman”. Ini terbukti dengan adanya Kongres Ekonomi Melayu telah bertukar jadi Kongres Ekonomi Bumiputera. Apakah kesudahannya takut dengan perjuangan perkauman? Tengku juga takut berjuang dengan perjuangan perkauman kerana memikirkan rakan-rakannya sebagai tujuan perkauman kerana memikirkan rakan-rakannya orang Cina yang anti kepada MAPHILINDO. Kalau begini seterusnya – tak usah berjuang habis perkara. Serahkan sahaja keris kepada orang untuk menikam diri sendiri!

\* \* \*

A. Buang Umar Junid, di dalam ucapannya di dalam Parlimen mengatakan bahawa buat industri bahan-bahan mentah tidaklah mustahak. Contohnya Jepun. Jepun tidak mempunyai bijih besi atau getah tetapi mereka mempunyai industri-industri yang besar dan mengeluarkan motorkar dan lain-lain barang pengeluaran bagi keperluan mereka, dan

dan barang-barang untuk dieksport ke Malaysia. Sebaliknya Malaysia yang banyak mengeluarkan bahan-bahan mentahnya seperti getah dan bijih tidak mengeluarkan motorkar dan mengeksportnya ke luar negeri. Sebuah negeri sebagai Singapura dengan tidak mengeluarkan bahan-bahan mentah tidak bermakna tidak boleh menjadi negara industri.

Ucapan ini menunjukkan kepetahan beliau berkata-kata. Sesebuah industri tentunya menghendaki barang-barang mentah untuk menjalankan industrinya seperti Jepun. Jepun mengimport sebanyak-banyaknya barang-barang mentah dari negeri-negeri lain kerana mereka mempunyai bahan-bahan mentah di dalam negerinya. Untuk ini ia berusaha berbaik-baik kepada semua pihak: pertama untuk mendapatkan bahan-bahan mentahnya; dan keduanya untuk pasaran barang-barangnya. Dengan cara itu penduduknya makmur tetapi kalau cara yang dibuat bermusuhan, terutamanya dengan jiran bagaimanakah industri akan berjalan jika bahan-bahan mentah disekat orang jika pasaran barang-barang industri itu tidak ada pasarannya? Jangan terlalu sentimen akhirnya tiap-tiap perkataan tidak logik.

\* \* \*

Di dalam Persidangan Parlimen Singapura kali ini kerusi pihak pembangkang semuanya kosong kerana pihak pembangkang telah pun memboikot sidang dengan alasan tidak demokrasi. Dengan tidak adanya pihak pembangkang maka tentunya segala yang diurus di dalam sidang itu tentulah jadi keputusan sama sendiri – baik semuanya.

\* \* \*

UMNO cawangan Teluk Anson telah mengemukakan tuntutan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia supaya menjadikan tulisan Jawi satu mata pelajaran wajib untuk diajarkan di sekolah-sekolah kebangsaan hingga ke peringkat sekolah menengah. Mereka berpendapat bahawa pada masa ini

pelajar-pelajar di sekolah kebangsaan terlalu lemah dengan tulisan dan bacaan Jawi dan di antaranya tidak tahu menulis dan membaca tulisan Jawi lagi sekalipun mereka telah tamat daripada darjah enam di sekolah kebangsaan.

“Sekiranya keadaan serupa ini tidak diambil perhatian berat oleh Kementerian Pelajaran maka anak-anak Melayu sendiri tidak akan dapat membaca dan menulis tulisan Jawi sepuluh tahun lagi.” – kata keputusan itu.

Perkara ini tidak dapat dinafikan adanya apalagi di dalam sekolah-sekolah Inggeris yang menjadi mata pelajarannya bahasa Inggeris – mereka buta langsung di dalam tulisan Jawi sehingga Qur’an pun mereka tidak tahu membacanya padahal mereka anak orang Islam. Sebab itulah anjuran yang memomok-momokkan baca Qur’an sebagai burung tiong – tidak tahu ertinya – mesti menyedari bahawa peribadatan memerlukan bacaan-bacaan yang tertentu mengikut kaedahnya sendiri – tidak dapat dibunyikan dengan huruf Rumi.

\* \* \*

Tuan Syed Nasir, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka telah melawat ke Germany baharu-baharu ini dan beliau telah dapat singgah di Istanbul. Beliau kebetulan ada membawa majalah Qalam dan apabila sampai di Istanbul, Pegawai Penerangan Turki meminta majalah itu kerana mereka sukakan huruf Jawi. Huruf Jawi di Turki telah dihapuskan. Apabila Tuan Syed Nasir menyatakan, tentunya mereka tidak boleh faham bahasa Melayu mereka mengatakan benar tetapi mereka gemar melihat huruf-huruf itu digunakan.

Apabila beliau melawat masjid-masjid di sana maka beliau membaca ayat-ayat al-Qur’an yang bertulis di tembok dengan huruf-huruf yang bertindih. Melihat itu pemuda-pemuda itu berasa malu kerana mereka sendiri sudah tidak dapat lagi membacanya padahal mereka orang Islam. Apakah kita kelak akan jadi begitu?